

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JTW 362 – PENGURUSAN INSTITUSI KEWANGAN & PASARAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Jawab TUJUH soalan. Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan Bahagian B dan pilih LIMA soalan daripada Bahagian C.

Jawab soalan Bahagian A dalam Borang OMR. Hitamkan ruangan A sekiranya pernyataan tersebut adalah BETUL dan hitamkan ruangan B sekiranya pernyataan tersebut adalah SALAH.

Serahkan Borang OMR dan KESELURUHAN kertas soalan kepada Ketua Pengawas. Jangan ceraikan mana-mana muka surat.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan

...2/-

**BAHAGIAN A : Wajib (30 markah)**

Jawab SEMUA soalan. Hitamkan ruangan A sekiranya pernyataan tersebut adalah BETUL dan hitamkan ruangan B sekiranya pernyataan tersebut adalah SALAH.

**SOALAN 1**

1. Nilai bagi sesebuah firma bergantung kepada struktur kewangan firma.
2. Dalam situasi pasaran tidak sempurna, nilai firma diukur melalui;  

$$PV \text{ firma} = PV \text{ Pure} - \text{Equity Firm} + PV \text{ Tax Shield} - PV \text{ Bankruptcy cost.}$$
3. Masalah agensi dapat diselesaikan sekiranya objektif dan matlamat dibezakan.
4. Struktur modal firma boleh didefinisikan dalam terma nisbah hutang atas aset atau nisbah hutang atas ekuit.
5. Rekod perakaunan hanya disimpan pada asas kos sejarah.
6. Perolehan tertahan (Retained Earning) merupakan sumber tunggal bagi modal dalaman.
7. Konsep dan alat yang penting untuk pengurusan kewangan bagi kecukupan modal bank ialah kadar penghasilan modal dalaman (internal capital generation) (g)
8. Return On asset = Payout/Asset + Retained/Asset
9. Risiko kredit merupakan satu kadar ketidaktentuan bagi bank.
10. Kesan yang paling besar bagi risiko kredit bagi keseluruhan risiko bank dilihat dalam terma risiko indeks iaitu  $RI = [E(ROA + CAP)] / S_{ROA}$
11. Kemungkinan risiko premium adalah perbezaan diantara kadar pinjaman berisiko dan kadar bebas risiko.
12. Analisa kredit merupakan penilaian kepada penyata kewangan.
13. Dua perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam portfolio kecekapan pinjaman (efficient loan portfolio) ialah modal ekonomi dan teori portfolio.
14. Pengurusan portfolio pinjaman ialah yang terbaik diantara risiko dan ganjaran keseluruhan portfolio pinjaman bank.
15. Harga dan kuantiti merupakan kunci utama portfolio pinjaman bank.

...3/-

16. Menggunakan pembentukan pokok keputusan adalah cara terbaik untuk mengurangkan tekanan kewangan dan mengklasifikasi pinjaman.
17. Salah satu elemen yang terdapat dalam kontrak derivative ialah perjanjian mengenai kadar faedah, tukaran asing dan option.
18. Pasaran Eurobond adalah pasaran domestik untuk hutang jangka panjang.
19. Teori Agensi mempunyai hubungkait kontrak di antara prinsipal dan agen dimana pemberi pinjaman adalah prinsipal dan peminjam adalah agen.
20. Aplikasi Var terhadap risiko kredit memberi fokus kepada komitmen polisi bon, hutang-hutang dan OBSA.

**BAHAGIAN B. Wajib (20 markah)**

Jawab SEMUA soalan.

**SOALAN 2**

(a) Berikan definisi bagi;

- (i) Modal “Capital Adequacy” (Kecukupan Modal)
- (ii) Inovasi Perbankan
- (iii) Konsolidasi Perbankan.
- (iv) E-dagang
- (v) Deposit utama

(10 markah)

(b) Apakah yang dikatakan dengan;

- (i) Analisa SWOT
- (ii) Model perakaunan
- (iii) Derivatif kadar faedah
- (iv) Kos modal ekuiti
- (v) Analisa Aliran Tunai.

(10 markah)

**BAHAGIAN C : Jawab LIMA (5) soalan sahaja.**

**SOALAN 3**

Terangkan langkah-langkah untuk menilai semula sesebuah bank.

(10 markah)

**SOALAN 4**

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan risiko kredit dan kenapa iaanya penting kepada bank?
- (b) Bincangkan dan terangkan maksud ‘Indeks risiko bank’.

(10 markah)

**SOALAN 5**

- (a) Apakah yang dikatakan dengan Analisa Kredit?
- (b) Apakah alat-alat yang diperlukan untuk menganalisa kredit?

(10 markah)

**SOALAN 6**

Apakah halangan yang biasa wujud dalam proses keputusan kredit dan apakah TIGA (3) halangan dalam proses tersebut?

(10 markah)

**SOALAN 7**

Dalam Pengurusan Kecairan apakah yang dikatakan dengan sumber dalaman dan sumber luaran bagi sesuatu tahap kecairan?

(10 markah)

**SOALAN 8**

Terdapat EMPAT (4) komponen dalam fungsi pinjaman bank secara tradisional. Apakah komponen-komponen tersebut dan jelaskan?

(10 markah)

**SOALAN 9**

Terdapat LIMA (5) langkah untuk menganalisa pengguna bank. Apakah langkah-langkah tersebut?

(10 markah)